

Filem seram tak bantu cambah minda masyarakat

Industri perfileman wajar mempunyai anjakan paradigma lebih jauh, bukan untung semata-mata

Oleh Norizan Muhammad, Nur Aisar Noordin, Siti Wahida Ishak dan Haslina AB Ghani

SEJAK akhir-akhir ini terdapat kelompangan yang berlaku di kalangan penggiat seni tanah air dalam mencetuskan idea mencipta filem baru dan kreatif, di mana mereka lebih suka menjadikan medium seram sebagai platform utama untuk melariskan cerita dan filem khususnya.

Kepercayaan terhadap benda khurafat, tahyul dan mistik adalah salah di sisi agama. Menurut Kitab *Al-Mu'jam al-Wasit*, Kamus *al-Marbawi* khurafat adalah cerita yang mempesonakan yang dicampur aduk dengan perkara yang benar-benar dusta.

Pendapat lain mentakrifkan khurafat, sesuatu perkara yang tidak masuk akal dan sukar dipercayai kebenarannya. Hukum mempercayainya adalah syirik dan boleh mendatangkan kesan buruk kepada umat Islam khususnya.

Berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam surah Yunus: ayat 106: *"Dan janganlah engkau menyembah atau memuja yang lain daripada Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudharat kepadamu. Sekiranya engkau mengerjakan sedemikian maka jadilah engkau orang-orang yang berlaku zalim."*

Berdasarkan maksud ayat itu, Allah melarang keras hambanya menduakannya. Permintaan terhadap cerita seram semakin melonjak tinggi, ini dapat dilihat berdasarkan statistik 2008. Di Barat, timbulnya filem supernatural seperti

ini adalah manifestasi kecenderungan masyarakat di sana yang cuba meneroka kembali alam spiritual selepas kecenderungan materialisme yang begitu kuat mendominasi pada dekad akhir kurun ke-20.

Di Barat, filem diangkat lebih daripada sekadar hiburan. Ia juga adalah medan bereksperimen terhadap daya kreativiti dan imaginasi, serta turut menjadi medan propaganda terhadap idea tertentu yang mahu diterapkan ke pemikiran rakyat. Berbalik kepada filem dan drama tempatan, cabaran besar yang berlaku ialah apabila genre seram dihasilkan tanpa unsur kajian yang teguh.

Biar pun filem seram yang berjaya kebelakangan ini didakwa sebagai hasil kajian, ia menampilkan nilai 'superficial' yang lebih bersifat mengutip cerita tanpa analisis. Justeru ia sukar mencapai kualiti, jauh sekali untuk membawa unsur yang boleh mendidik atau merangsang fikiran penontonnya.

Jika filem Barat boleh mendatangkan unsur seram tanpa perlu menunjukkan imej hantu, filem kita berhempas pulas menyolek pelakonnya agar menjadi hantu yang menyeramkan. Hasilnya, bukan seram, tetapi penghinaan kepada tuntutan penonton.

Namun kekhuatiran yang besar ialah apabila filem dan drama seram ini sering dihubungkan secara langsung dengan agama Islam. Sebagai mana masyarakat yang hidup jauh dari agama terhegeh-hegeh mencari orang agama apabila berhajat untuk menyelesaikan gangguan makhluk halus.

Malah untuk lebih mengukuhkan hubung kait agama dengan feno-



JIKA filem Barat boleh mendatangkan unsur seram tanpa perlu menunjukkan imej hantu, filem kita berhempas pulas menyolek pelakonnya agar jadi seram.

mena mistik, penyiaran di televisyen filem atau drama bergenre seram ini, dilonggokkan pada Khamis malam Jumaat, ditenggelamkan dengan ketahyulan konotasi 'Khamis Malam Jumaat' ada hantu!

Secara lantang jelas di sini, penayangan filem dan cerita seram tidak sepatutnya disiarkan dengan meluas dalam industri hiburan tanah air kita. Lebih-lebih lagi filem seram yang datangnya dari negara luar seperti Thailand dan Indonesia serta negara lain. Menurut Peter Gay apa yang dinyatakan dalam

buku beliau bertajuk *The Cultivation of Hatred* dalam sesebuah komuniti lapisan sosial dan pada setiap abad manusia akan mencipta satu budaya baru.

Daripada kata-kata Peter Gay, dapat diringkaskan bahawa satu budaya tidak sihat di Malaysia apabila kita ingin mencapai negara maju wujud golongan yang mempopularkan kembali elemen tahyul dan mistik. Suka dinyatakan bahawa filem tahyul tidak memberikan banyak faedah kepada masyarakat kerana elemen rekaan yang disampaikan

terlalu sarat berbanding moral yang ingin disampaikan.

Tetapi sayangnya, masyarakat sekarang memandang ringan perkara yang boleh membawa kepada syirik. Adalah tidak wajar sekiranya industri hiburan menguar-uarkan bahawa penayangan filem yang berunsurkan tahyul tidak mendatangkan impak kepada kita apatah lagi terhadap kanak-kanak. Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa luhur dan berpegang dengan agama Islam tidak sepatutnya kita mudah terpengaruh dan mengambil jalan pintas dengan menggunakan medium yang salah untuk mencapai kemewahan.

Industri perfileman sewajarnya mempunyai anjakan paradigma yang lebih jauh, jangan kerana inginkan keuntungan semata-mata mereka bersikap acuh tak acuh dan lepas tangan dalam merangka dan mencipta sesuatu filem. Ini akan memberi satu kesan yang besar kepada pemikiran masyarakat kita. Maka, pemikiran tahyul akan kembali mengambil tempat dalam minda masyarakat.

Menurut hadis yang dijelaskan, Rasulullah menyuruh kita menjauhi tujuh perkara yang merosakkan. Para sahabat bertanya, Apakah tujuh perkara itu? Baginda menjawab: Menyekutukan Allah, sihir, membunuh orang tanpa hak, makan riba, makan harta anak yatim, lari dari medan perang dan menuduh perempuan baik melakukan maksiat terkutuk. (Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari melalui Kitab Sahih al-Bukhari dan Kitab al-Hudud, Bab 44, hal 33).

Penulis ialah pelajar Universiti Sains Islam Malaysia